

# Isu graduan ISMP tiada penempatan akan diselesai

**Tanjung Malim:** Kerajaan memberi jaminan akan menyelesaikan isu lepasan ijazah sarjana muda pendidikan (ISMP) yang belum mempunyai penempatan di sekolah.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, berkata kelulusan sudah diberikan kepada Kementerian Pendidikan supaya mengisi kekosongan guru tahun depan.

“Insya-Allah kita selesaikan. Menteri Pendidikan, Fadhlina Sidek sudah umumkan bahawa penambahan yang ketara bagi mengisi kekosongan guru pada 2024.

“Yang penting ialah pada tahun 2024, kali pertama ada lonjakan penambahan guru di sekolah menengah di negara kita,” katanya ketika menjawab soalan mengenai laporan media berkaitan isu 4,390 lepasan ISMP dari 2011 hingga 2020 yang belum mendapat panggilan temu duga untuk ditempatkan di sekolah.

Dalam perkembangan lain, Perdana Menteri berkata, hutang negara yang terlalu tinggi antara faktor hasrat kerajaan terdahulu agar mahasiswa golongan M40 menerima pembiayaan penuh Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) tidak dapat diteruskan.

Beliau berkata, cadangan itu boleh dipertimbang namun bergantung kepada kemampuan kewangan negara.

“Insya-Allah, saya akan minta (Menteri Pendidikan Tinggi) saudara (Datuk Seri Dr) Zambry (Abdul Kadir) lihat betul-betul dengan PTPTN dan bawa balik kepada Kementerian Kewangan. Dan, dalam suku tahun pertama, kalau betul kita mampu, saya akan tambah terutama bagi M40 yang memerlukan,” katanya.

BERNAMA